

SUKNS.(S)100-1/8/3 KLT.3 (34)



KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

SURAT EDARAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM

JPA(S)63/163 KLT.5(42)

**TUNTUTAN TAMBANG MENGANGKUT KENDERAAN BUKAN
MILIK SENDIRI OLEH PEGAWAI KERANA BERTUKAR DAN
BERPINDAH RUMAH**

LAMPIRAN 1 – SURAT EDARAN JPA(S)63/163 KLT.5(42)

TARIKH KELULUSAN:

23 SEPTEMBER 2022

LAMPIRAN 1



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Public Service Department, Malaysia
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-88853001
Faks (Fax): 603-88892187
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Rujukan : JPA(S)63/163 Klt.5 (42)

Tarikh : 8 April 2022

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**TUNTUTAN TAMBANG MENGANGKUT KENDERAAN BUKAN MILIK
SENDIRI OLEH PEGAWAI KERANA BERTUKAR DAN BERPINDAH
RUMAH**

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, dasar elaun dan kemudahan bagi pegawai perkhidmatan awam kerana bertukar dan berpindah rumah diperuntukkan di bawah Perintah Am Bab B (Elaun-elaun Dalam Perkhidmatan) Tahun 1974 iaitu Perintah Am 12(a) – *Tuntutan balik perbelanjaan pengangkutan barang-barang pegawai hendaklah disokong dengan resit. Lazimnya bagi pertukaran di dalam Semenanjung Malaysia (termasuk Singapura) kereta tidak boleh dimasukkan sebagai barang dan oleh itu tidak boleh diangkut*

dengan kenderaan lain. Di mana kenderaan jabatan digunakan dalam mengangkut barang-barang pegawai, tidak ada tuntutan perbelanjaan pengangkutan yang boleh dibayar.

3. Bagi menambah baik peraturan sedia ada selaras dengan keperluan semasa, **takrifan 'kereta' dalam Perintah Am 12(a), Perintah Am Bab B** merangkumi kenderaan persendirian termasuk **kenderaan bukan milik sendiri**. Oleh itu, Ketua Jabatan boleh menimbang dan meluluskan (sekiranya memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan) permohonan yang dikemukakan pegawai Kementerian/ Agensi Kerajaan untuk mengangkut kenderaan bukan milik sendiri oleh kerana bertukar dan berpindah rumah.

4. Dalam menimbang permohonan pegawai, Ketua Jabatan hendaklah memastikan:

- a) pegawai mengesahkan kenderaan tersebut berada dalam keadaan yang baik dan selamat;
- b) sekiranya pemilik kenderaan yang sah ada membuat tuntutan elaun dan kemudahan kerana bertukar dan berpindah rumah, termasuk tambang mengangkut kenderaan ke atas kenderaan yang sama sepanjang tempoh yang sama, maka tuntutan pegawai yang mengangkut kenderaan bukan milik sendiri itu tidak layak dipertimbangkan;

c) setiap permohonan tuntutan perlu mendapat sokongan Ketua Jabatan di pejabat baharu di mana pegawai itu diarah bertukar; dan

d) pegawai dimaklumkan bahawa Kerajaan adalah tidak bertanggungjawab walau dalam apa-apa bentuk pun sekiranya berlaku sebarang kerosakan, kehilangan atau kesusutan nilai kepada kenderaan atas sebab-sebab bertukar dan berpindah rumah berkenaan.

5. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dalam melaksanakan dasar dan peraturan seperti mana perkara tersebut di atas amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SRI MOHD SHAFIQ BIN ABDULLAH)